

PANDUAN TEKNIKAL

**PANDUAN BAGI
PEMEGANG LESEN YANG
BERTUKAR NOMBOR
PENDAFTARAN SYARIKAT
(ROC)**

Jabatan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

**PANDUAN BAGI PEMEGANG LESEN YANG BERTUKAR NOMBOR
PENDAFTARAN SYARIKAT (ROC)**

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. SINGKATAN.....	1
3. TAFSIRAN	1
4. LATAR BELAKANG	2
5. KEPUTUSAN.....	3
6. TATACARA PELAKSANAAN.....	3
7. PENUTUP	7
8. REKOD DOKUMEN	8

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304] mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlaku perubahan nombor pendaftaran syarikat (*Registration of Company, ROC*).

2. SINGKATAN

Dalam panduan ini, singkatan perkataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

2.1	Akta 304	-	Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984
2.2	Akta 777	-	Akta Syarikat 2016
2.3	eSPP	-	Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan
2.4	JPS	-	Juruperunding Perlindungan Sinaran
2.5	PPS	-	Pegawai Perlindungan Sinaran
2.6	PY	-	Penyelia Perlindungan Sinaran
2.7	ROC	-	Pendaftaran Syarikat (Registration of Company) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2.8	Sijil digital	-	Sijil tandatangan digital (<i>digital signature certificate</i>) yang digunakan untuk mengakses sistem eSPP

3. TAFSIRAN

Dalam panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- 3.1 **“Pemegang lesen”** ertinya pemegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 16 Akta 304;
- 3.2 **“Pengguna Baharu”** ertinya suatu syarikat/agensi/badan berkanun yang

berdaftar dengan sistem eSPP namun belum memohon dan memiliki sebarang lesen di bawah Akta 304; dan

- 3.3 **“Peralatan sinaran”** ertinya sumber sinaran (bahan atau radas yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion) dan perkakasan lain yang perlu untuk melengkapkan peralatan tersebut.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Nombor ROC digunakan sebagai rujukan utama bagi pendaftaran pengguna baharu sistem eSPP dan pendaftaran sijil tandatangan digital bagi mengakses eSPP untuk mengemukakan apa-apa jenis permohonan melalui sistem tersebut, termasuk permohonan lesen di bawah Akta 304.
- 4.2 Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 mempunyai nombor lesen tersendiri dan lesen tersebut adalah terikat kepada nombor ROC yang didaftarkan pada peringkat pendaftaran pengguna baharu sistem eSPP. Lesen tidak boleh ditukar milik selaras syarat-syarat lesen yang dikeluarkan.
- 4.3 Walau bagaimanapun, terdapat situasi pemegang lesen yang bertukar nombor ROC dan berhasrat untuk menggunakan nombor ROC baharu untuk tujuan pelesenan dan urusan rasmi di bawah Akta 304. Dalam situasi ini, kedua-dua pemegang nombor ROC ini dikira sebagai dua (2) entiti yang berbeza tanpa mengambil kira hubungan antara satu sama lain.
- 4.4 Oleh yang demikian, sekiranya berlaku perubahan nombor ROC terhadap mana-mana pemegang lesen, proses memindahkan pemilikan peralatan sinaran, meter tinjau dan lain-lain maklumat yang berkenaan dengan lesen kepada entiti dengan nombor ROC yang baharu hendaklah dilaksanakan mengikut proses-proses kerja sedia ada. Dalam masa yang sama, entiti yang memiliki nombor ROC baharu, iaitu yang belum berlesen di bawah

Akta 304 dikehendaki untuk membuat permohonan lesen baharu. Setelah proses pindahan maklumat ini selesai, lesen sedia ada hendaklah dibatalkan.

5. KEPUTUSAN

Jabatan Tenaga Atom dengan ini memutuskan agar bagi pemegang lesen yang bertukar nombor ROC hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 5.1 Mengemukakan permohonan kebenaran penukaran ROC melalui sistem dalam talian eSPP;
- 5.2 Membuat permohonan lesen baharu menggunakan nombor ROC baharu;
- 5.3 Membuat pindah milik peralatan sinaran dari lesen sedia ada ke lesen baharu; dan
- 5.4 Membuat pembatalan lesen sedia ada di bawah ROC yang lama.

6. TATACARA PELAKSANAAN

Panduan ini akan menerangkan tatacara pelesenan melibatkan pemegang lesen yang bertukar nombor ROC berdasarkan tiga (3) situasi yang mungkin timbul seperti berikut:

- 6.1 Pemegang lesen sedia ada (Nombor ROC lama) mempunyai satu (1) atau lebih Penyelia Perlindungan Sinaran (PY) di samping Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) yang masih sah pengiktirafan;

Aturan Tindakan	Syarikat ROC Lama (Pemegang Lesen Sedia Ada)	Syarikat ROC Baharu
1	Membuat pemberhentian salah seorang PY dari senarai pekerja sinaran	Membuat pendaftaran pengguna baharu di dalam sistem eSPP dan mohon sijil digital
2		Memohon pengiktirafan bagi PY yang diberhentikan dari lesen sedia ada sebagai PPS dibawah lesen baharu
3		Membuat permohonan lesen (Pastikan maklumat peralatan sinaran adalah sama dengan maklumat dari lesen sedia ada)
4	Membuat permohonan pindaan lesen untuk menambah tujuan aktiviti "pindah milik" ¹	
5	Mengemaskini pemilikan untuk pindah milik peralatan sinaran kepada lesen ROC baharu	Membuat pengesahan penerimaan peralatan sinaran
6	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: i) Membuat pemberhentian pekerja sinaran; dan ii) Membuat pelupusan meter tinjau	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: i) Memohon pengiktirafan pekerja sinaran; dan ii) Membuat penambahan meter tinjau
7	Mengemukakan permohonan untuk membatalkan lesen	

6.2 Syarikat ROC baharu akan melantik PPS/ JPS untuk urusan permohonan lesen;

Aturan Tindakan	Syarikat ROC Lama (Pemegang Lesen Sedia Ada)	Syarikat ROC Baharu
1		Membuat pendaftaran pengguna baharu di dalam sistem eSPP dan mohon sijil digital
2		Memohon pengiktirafan JPS
3		Membuat permohonan lesen (Pastikan maklumat peralatan sinaran adalah sama dengan maklumat dari lesen sedia ada)
4	Membuat permohonan pindaan lesen untuk menambah tujuan aktiviti "pindah milik" ¹	
5	Mengemaskini pemilikan untuk pindah milik peralatan sinaran kepada lesen ROC baharu	Membuat pengesahan penerimaan peralatan sinaran
6	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: <ul style="list-style-type: none"> i) Membuat pemberhentian pekerja sinaran; dan ii) Membuat pelupusan meter tinjau 	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: <ul style="list-style-type: none"> i) Memohon pengiktirafan pekerja sinaran; dan ii) Membuat penambahan meter tinjau
7	Mengemukakan permohonan untuk membatalkan lesen	

6.3 Pemegang lesen sedia ada (Nombor ROC lama) hanya mempunyai PPS yang diiktiraf dan tiada PY, dan tidak berkemampuan untuk melantik JPS untuk urusan permohonan lesen baharu dibawah nombor ROC baharu.

Aturan Tindakan	Syarikat ROC Lama (Pemegang Lesen Sedia Ada)	Syarikat ROC Baharu
1		Membuat pendaftaran pengguna baharu di dalam sistem eSPP dan mohon sijil digital
2	Membuat pemberhentian PPS dari lesen sedia ada (ROC lama)	Membuat pengiktirafan PPS yang diberhentikan dari ROC lama
3		Mengemukakan permohonan lesen (Pastikan maklumat peralatan sinaran adalah sama dengan maklumat dari lesen sedia ada)
4	Membuat permohonan pindaan lesen untuk menambah tujuan aktiviti "pindah milik" ¹	
5	Mengemaskini pemilikan untuk pindah milik peralatan sinaran kepada lesen ROC baharu	Membuat pengesahan penerimaan peralatan sinaran
6	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: i) Membuat pemberhentian pekerja sinaran; dan	Tindakan berikut perlu dilakukan jika terdapat keperluan: i) Memohon pengiktirafan pekerja sinaran; dan ii) Membuat penambahan meter tinjau

	ii) Membuat pelupusan meter tinjau	
7	Mengemukakan permohonan untuk membatalkan lesen	

1"pindah milik" merujuk kepada aktiviti memindah pemilikan atau memindah hak sesuatu peralatan sinaran daripada satu pemegang lesen ke pemegang lesen yang lain.

7. PENUTUP

Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/ pemegang lesen boleh berhubung dengan Jabatan Tenaga Atom menggunakan alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Jabatan Tenaga Atom

Batu 24, Jalan Dengkil,

43800 Dengkil, Selangor.

No. Tel: +603-89225888

No. Faks: +603-89223685

E-mel: corporate@aelb.gov.my

Laman web: www.aelb.gov.my

8. REKOD DOKUMEN

Tarikh Terima pakai	Status Semakan	Penyedia
20 OKTOBER 2023	0	<ol style="list-style-type: none">1. En. Mohd. Irwan Effendi Bin Mohd. Nordin2. En. Mahyudin Bin Abu Bakar3. En. Hafiz Bin Hadzori